

Redland pelopori pendidikan bersama rakyat

Oleh W. RAHIMAH DRAMAN >> Gambar RASHID MAHFOP

REDLAND Group of Companies menjadi badan korporat pertama sebagai tunggak menghimpun semua universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan bagi mencari calon pelajar luar bandar melalui konsep pendidikan tanpa sempadan secara menyeluruh.

Program Khas Pendidikan Bersama Rakyat tajaan syarikat konglomerat Redland ini akan berkampung di daerah Tanah Merah, Kelantan selama dua hari dari pukul 9 pagi hingga 5 petang bermula esok.

Dijayakan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Persatuan Anak Jeli Kuala Lumpur dan Selangor (Fajar), Jabatan Pengurusan IPT, Kolej Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program julung kali ini berlangsung di perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1, Kelantan.

Kesemua 26 IPT termasuk universiti baru seperti Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut mengambil bahagian.

IPT lain termasuklah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pusat Teknologi Pengurusan Lanjutan (PTPL).

Yang menarik, program julung kali ini menampilkan penglibatan penuh sebuah syarikat konglomerat dan pertubuhan anak jati negeri ialah kerjasama padu menghimpunkan kesemua IPT sama-



PROFESOR DR. MOHD. ZAHEDI DAUD

ta-mata untuk membantu anak bangsa sendiri memajukan diri dalam bentuk ilmu menerusi pendidikan tinggi.

"Hanya dengan ilmu dan menguasai tempat di institusi-institusi pengajian tinggi dapat mengubah hidup, ekonomi dan minda serta memajukan golongan luar bandar khususnya orang Melayu," kata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Redland Group, Datuk Ismail Hassan.

Menurutnya, pengalaman getir beliau dan orang kampung lain untuk memilih kursus dan permohonan memasuki universiti satu ketika dulu mendorong mereka melaksanakan program tersebut.

Kata Ismail, meskipun negara telah lama membangun dan maju tetapi masih ramai penduduk luar bandar yang terpinggir dan penyaluran



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

maklumat mengenai pelbagai peluang dan kemudahan dalam pendidikan tidak sampai.

"Program ini adalah untuk memberi peluang kepada golongan berkenaan khususnya pelajar, guru dan ibu bapa untuk tahu dan kenal semua IPT yang ada di negara ini.

"Cara ini lebih berkesan untuk membuka minda pelajar, guru, ibu bapa serta masyarakat bahawa pendidikan tinggi di mana-mana IPT adalah sama taraf dan kualitasnya," katanya ketika ditemui di pejabat di Subang Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Lebih penting tegas beliau, program sebegini dapat mengelak sikap pelajar, guru dan ibu bapa daripada mengadakan hubungan dengan universiti tertentu atas sebab-sebab tertentu sahaja.

Landasan

Semua IPT kata Ismail, merupakan landasan untuk pelajar menimba ilmu setinggi yang boleh dan setiap universiti mahupun kolej sudah menjadi satu keperluan bagi setiap individu dalam masyarakat.

Sebab itu tambah beliau, IPT dan masyarakat perlu lebih mesra kerana ia saling perlu dan memerlukan di antara satu sama lain.

"Era menara gading sebagai suatu entiti elit sudah tamat dan budaya mencari ilmu di institusi pengajian tinggi hanya untuk pelajar gred terbaik dalam peperiksaan sahaja juga sudah berakhir," ujar Ismail.

Sebaliknya universiti kini tambah beliau, bersikap lebih terbuka dengan setiap individu yang berkemampuan layak menjadi mahasiswa dan graduan berilmu.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Universiti Darul Iman Malaysia, Profesor Dr. Mohd. Zahedi Daud pula menyifatkan program berkenaan sebagai landasan terbaik kepada IPT untuk mempromosikan produk mereka.

Beliau yang turut terlibat dalam jawatankuasa program itu berkata, konsep universiti pergi kepada masyarakat kini sudah menjadi budaya baru dalam pengurusan IPT.

Menurutnya, lebih 300 ijazah yang ditawarkan di seluruh universiti di negara ini adalah semata-mata untuk memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan ilmu secara lebih menyeluruh.

"Sekarang masa untuk IPT memasyarakatkan diri dan setiap universiti perlu

membawa diri masing-masing ke kampung-kampung dan golongan sasaran.

"Inilah cara terbaik untuk membuka minda dan mewujudkan masyarakat berilmu sekali gus menjadikan misi saluran kedua ke universiti melalui konsep belajar sepanjang hayat ini mencapai matlamat sepenuhnya.

"Belum pernah berlaku semua IPT berhimpun di satu tempat pada satu masa untuk 'memasarkan' produk masing-masing secara percuma kepada masyarakat. Inilah peluang terbaik untuk IPT memperkenalkan diri kepada pelanggan," katanya.

Program yang dibawa oleh Redland Group, KPTM dan USIM ke Kelantan itu menyediakan pelbagai perkhidmatan, maklumat, bimbingan, panduan dan motivasi oleh setiap IPT kepada para pengunjung.

Program berkonsepkan pameran dan runding cara turut membantu calon pelajar IPT membuat pemilihan kursus sesuai dan mengisi borang permohonan yang tepat.

Lokasi program yang berpusat di tengah-tengah negeri Kelantan dan mempunyai rangkaian jalaran jalan perhubungan dan pengangkutan yang mudah, dijangka mampu mencapai sasarannya.

Jadi, seluruh warga Tanah Merah khususnya dan Kelantan serta Malaysia umumnya, anda wajar mengunjungi program ini agar konsep belajar sejak dari lahir hingga ke liang lahad yang ditetap al-Quran itu dapat direalisasikan oleh setiap Muslim.

Program dua hari yang turut mendapat kerjasama Ahli Parlimen Tanah Merah dan Jabatan Pelajaran Kelantan itu akan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Aktiviti Program Khas Pendidikan Bersama Rakyat (percuma):

- Ceramah kemasukan ke IPT.
- Bimbingan memilih kursus-kursus sesuai oleh setiap IPT.
- Khidmat nasihat, bimbingan dan motivasi untuk terus belajar.
- Pameran mengenai pelbagai peluang belajar dan bantuan kewangan ke IPT.
- Semakan status permohonan.
- Khidmat pemeriksaan kesihatan.

Sasaran Program:

- Pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Diploma.
- Guru besar dan guru-guru sekolah.
- Seluruh ibu bapa
- Individu bekerja yang masih belum berpeluang ke IPT.

ISMAIL HASSAN

